

PERUMPAMAAN

Perumpamaan merupakan salah satu jenis **peribahasa** yang berupa perbandingan dan mengandungi pengajaran. Biasanya, maksud atau erti **perumpamaan** berlainan daripada kata-kata yang membentuknya. Pada umumnya, **perumpamaan** menggunakan kata-kata bandingan **bagai, seperti, macam, ibarat, umpama** dan **laksana**.

Contoh-contoh **perumpamaan** dengan erti/maksudnya:-

- **Bagai ayam disambar helang.**

Ertinya: Orang yang hilang dengan tiba.

- **Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing.**

Ertinya: Tidak semua sepakat dalam sesuatu perbincangan, hanya berpegang pada pendapat masing-masing.

- **Bagai bulan dipagar bintang.**

Ertinya: Kecantikan gadis yang tiada bandingan.

- **Bagai isi dengan kuku.**

Ertinya: Persahabatan yang sangat erat.

- **Bagai kacang lupakan kulit.**

Ertinya: Orang yang tidak tahu mengenang jasa orang yang telah menolongnya/peliharanya.

- **Bagai kumbang putus tali.**

Ertinya: Berlari dengan segera apabila terlepas daripada kesusahan.

- **Bagai menatang minyak yang penuh.**

Ertinya: Memelihara anak dengan penuh sempurna dan kasih sayang.

- **Bagai pinang dibelah dua.**

Ertinya: Pengantin yang sama cantik sama padan.

- **Bagai tikus jatuh ke beras.**

Ertinya: Orang yang mendapat kemewahan.

- **Bagai tikus memperbaiki labu.**

Ertinya: Orang yang cuba memperbaiki sesuatu yang tidak diketahuinya, akhirnya merosakkannya.

- **Bagai ikan kena tuba.**

Ertinya: Banyak orang yang sakit atau mati dalam sesebuah kampung.

- **Bagai si kudung dapat cincin.**

Ertinya: Beroleh untung tetapi tetapi tidak dapat merasa nikmatnya.

- **Bagai gergaji dua mata.**

Ertinya: Orang yang dapat keuntungan daripada dua pihak.

- **Seperti cacing kepanasan.**

Ertinya: Tidak boleh diam atau tenang.
Gelisah kerana susah, sakit, malu dll.

- **Seperti murai dicabut ekor.**

Ertinya: Perempuan yang suka bercakap banyak.

- **Seperti kucing dengan anjing.**

Ertinya: Selalu bergaduh/berkelahi jika bertemu.

- **Seperti hujan jatuh ke pasir.**

Ertinya: Kebajikan atau pertolongan yang sia-sia (tidak berbalas).

- **Seperti abu di atas tunggul.**

Ertinya: Kedudukan yang tidak tetap atau tidak terjamin, boleh dihalau pada bila-bila masa.

- **Seperti api di dalam sekam.**

Ertinya: Perbuatan jahat yang tersembunyi.

- **Seperti Belanda minta tanah.**

Ertinya: Orang yang tamak.

- **Seperti bumi dengan langit.**

Ertinya: Perbezaan yang amat besar.

- **Seperti embun di hujung rumput.**

Ertinya: Kasih sayang yang tidak kekal.

- **Seperti harimau menunjukkan belang.**

Ertinya: Menunjukkan sifat sebenarnya setelah lama berdiam diri.

- **Seperti kaca jatuh ke batu.**

Ertinya: Berasa amat sedih.

- **Seperti katak di bawah tempurung.**

Ertinya: Orang yang tahu akan hal di sekelilingnya sahaja.

- **Seperti kera mendapat bunga.**

Ertinya: Orang tidak tahu menghargai pemberian orang lain.

- **Seperti orang buta kehilangan tongkat.**

Ertinya: Orang yang dalam kesusahan akan bertambah susah lagi apabila kehilangan tempat dia bergantung.

- **Seperti pahat dengan penukul.**

Ertinya: Orang yang hanya bekerja apabila diperintah.

- **Seperti pungguk rindukan bulan.**

Ertinya: Mengharapkan sesuatu yang tidak akan diperolehi.

- **Seperti rumput di tepi jalan.**

Ertinya: Keadaan hidup yang susah.

- **Seperti rusa masuk kampung.**

Ertinya: Orang yang tercengang-cengang apabila berada di sesuatu kawasan baru.

- **Seperti ular kena palu.**

Ertinya: Sesuatu yang bengkok-bengkok.